



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH  
TERHADAP PEMIKIRAN KRITIS DAN PENCAPAIAN PELAJAR  
DALAM MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

**SITI FARIDAH BINTI SHAFII**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**

Tajuk / Title: KESAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH TERHADAP PEMIKIRAN KRITIS DAN PENCAPAIAN PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

No. Matrik / Matric's No: M20142001696

Saya / I: SITI FARIDAH BINTI SHAFII

(Nama pelajar / Student's name)

mengaku membenarkan Tesis/ Disertasi/ Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah / Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Projek ini adalah hak milik UPSI  
*The thesis is the property of University Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT / CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972 /

*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TERHAD / RESTRICTED**

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia /Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT@TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan pembelajaran berdasarkan masalah (PBM) terhadap pemikiran kritis dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada 31 orang pelajar kumpulan eksperimen dan 34 orang pelajar kumpulan kawalan. Tiga jenis instrumen digunakan iaitu set rangsangan PBM, ujian pemikiran kritis *Watson-Glaser* dan ujian pencapaian melibatkan tajuk Penyata Kewangan (Milikan Tunggal). Data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap pemikiran kritis dan pencapaian pelajar, manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian-t yang menerangkan perbezaan bagi pemboleh ubah kajian. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat peningkatan tahap pemikiran kritis pada kedua-dua kumpulan dengan kumpulan eksperimen memperoleh peningkatan pencapaian yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan secara signifikan ( $t=2.286$ ,  $p=0.026$ ). Selain itu, terdapat peningkatan pencapaian pada kedua-dua kumpulan dengan kumpulan eksperimen memperoleh peningkatan pencapaian yang lebih tinggi secara signifikan berbanding kumpulan kawalan ( $t=3.168$ ,  $p=0.002$ ). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa PBM dapat meningkatkan pemikiran kritis dan pencapaian pelajar. Implikasi kajian menunjukkan kaedah PBM dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan serta boleh dijadikan sebagai alternatif kepada pembelajaran sedia ada.





## THE EFFECT OF PROBLEM BASED LEARNING (PBL) TOWARDS STUDENTS' CRITICAL THINKING SKILLS AND ACHIEVEMENT IN PRINCIPLES OF ACCOUNTING SUBJECT

### ABSTRACT

This study aimed to identify the effect of problem-based learning (PBL) towards students' critical thinking skill and academic achievement in Principles of Accounting subject. Quantitative approach with quasi-experimental design was used in this study. The sample consisted of 31 students for the treatment group and 34 students for the control group. Three instruments were employed which include PBL stimulation set, Watson-Glaser critical thinking test and a test set for Financial Statement (Sole Proprietorship) topic. Descriptive and inferential analysis technique were used to analyse the data. Descriptive analysis was used to assess the level of critical thinking and students' achievements, while inferential analysis which involved a t-test analysis was used to explain the differences between the chosen variables. The findings showed an increase in the level of critical thinking for both groups with a significantly higher increase for the teratment group compared to the control group ( $t=2.286$ ,  $p=0.026$ ). The results also revealed an increase in the achievement of both groups, in which the teratment group has gained significantly higher increase compared to its counterpart ( $t=3.168$ ,  $p=0.002$ ). It can be concluded that PBL has improved students' critical thinking skills and achievement. The study implicated that PBL can enhance teaching and learning effectiveness of Principles of Accounting subject and can be used as an alternative to existing learning method.





## KANDUNGAN

<b>Muka surat</b>	
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/ DISERTASI/ LAPORAN KERTAS PROJEK</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii



<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.3.1 Masalah dalam Pemikiran Kritis	12
1.3.2 Masalah dalam Pencapaian	13
1.3.3 Masalah dalam Pengaplikasian PBM	15





1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Soalan dan Hipotesis Kajian	17
1.6	Kerangka Konseptual	18
1.7	Kepentingan Kajian	21
1.8	Batasan Kajian	23
1.9	Definisi Operasional	24
1.9.1	Strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah	24
1.9.2	Pengajaran Tradisional	25
1.9.3	Pemikiran Kritis	25
1.9.4	Pencapaian	27
1.10	Rumusan	27
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>		28
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Sejarah Perkembangan Prinsip Perakaunan (SPM) di Malaysia	28
2.3	Teori Pembelajaran	31
2.3.1	Teori Kognitif	32
2.3.2	Teori Konstruktivisme	33
2.3.3	Model 5-Fasa Needham Konstruktivisme	36
2.4	Pembelajaran Berasaskan Masalah	38
2.5	Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Pendidikan	43
2.6	Kajian-kajian lepas yang Berkaitan	46





2.6.1	Tahap Kemahiran Pemikiran Kritis dan Pencapaian	46
2.6.2	Kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Pemikiran Kritis	49
2.6.3	Kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Pencapaian	51
2.7	Rumusan	53
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>		54
3.1	Pendahuluan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Pensampelan Kajian	59
3.4	Instrumen Kajian	61
3.4.1	Ujian Kemahiran Pemikiran Kritis	62
3.4.2	Ujian Pencapaian	65
3.4.3	Set Rangsangan Soalan Berbentuk Penyelesaian Masalah	67
3.5	Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan	68
3.5.1	Kesahan	68
3.5.2	Kebolehpercayaan	72
3.6	Kajian Rintis	82
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	83
3.8	Prosedur Pelaksanaan Kajian	86
3.8.1	Pembelajaran Berasaskan Masalah	86





3.8.2	Pengajaran Tradisional	94
3.9	Teknik Menganalisis Data	95
3.9.1	Analisis Deskriptif	95
3.9.2	Analisis Inferensi	95
3.10	Rumusan	98
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	99
4.1	Pendahuluan	99
4.2	Analisis Deskriptif	100
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	100
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	101
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat	102
4.2.4	Tahap Pemikiran Kritis Pelajar	104
4.2.5	Tahap Pencapaian Pelajar	109
4.3	Analisis Inferensi	113
4.3.1	Ujian Kehomogenan Varian (Ujian <i>Levene's</i> )	114
4.3.2	Ujian Normaliti	117
4.3.3	Ujian Korelasi Pearson	119
4.3.4	Analisis Perbezaan Kemahiran Pemikiran Kritis	121
4.3.5	Analisis Perbezaan Pencapaian	126





4.4 Rumusan Pengujian Hipotesis	131
4.5 Rumusan	133
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	134
5.1 Pendahuluan	134
5.2 Ringkasan Dapatan Kajian	135
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	136
5.3.1 Tahap Pemikiran Kritis	137
5.3.2 Tahap Pencapaian Prinsip Perakaunan	139
5.3.3 Kesan Terhadap Pemikiran Kritis	140
5.3.4 Kesan Terhadap Pencapaian	142
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	145
5.5 Implikasi Kajian	146
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	149
5.7 Rumusan	151
<b>RUJUKAN</b>	152
<b>LAMPIRAN</b>	166





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Nilai Gred Mata Pelajaran SPM	7
1.2 Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan SPM Mengikut Daerah di Negeri Johor	8
2.1 Kesetaraan antara Konsrtuktivisme dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah	40
3.1 Pembahagian Sampel Berdasarkan Kaedah Pembelajaran	61
3.2 Sub Ujian Kemahiran Pemikiran Kritis (Watson-Glaser, 1980)	63
3.3 Analisis Set Ujian Pencapaian Prinsip Perakaunan Mengikut Aras Kognitif Taksonomi Bloom	67
3.4 Skala Nilai Alpha Cronbach	73
3.5 Nilai Alpha Cronbach Kajian Rintis Ujian Pemikiran Kritis	74
3.6 Julat Markah Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis	74
3.7 Indeks Kesukaran Item	76
3.8 Cadangan Pemilihan Item Berdasarkan Indeks Kesukaran (K)	77
3.9 Cadangan Pemilihan Item Berdasarkan Indeks Diskriminasi (D)	79
3.10 Indeks Diskriminasi Item Objektif	80





3.11	Julat Markah Tahap Pencapaian Mata Pelajaran SPM	81
3.12	Pelaksanaan PBM	87
3.13	Proses Pengajaran menerusi Tujuh Peringkat PBM yang selari dengan Lima Fasa Needham	88
3.14	Langkah-langkah dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah	93
3.15	Langkah-langkah dalam Pembelajaran Tradisional	94
3.16	Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan dan Hipotesis Kajian	97
4.1	Responden Mengikut Jantina	101
4.2	Responden Mengikut Bangsa	102
4.3	Pencapaian Peperiksaan Tua Pertengahan Tahun Prinsip Perakaunan	103
4.4	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene) Peperiksaan Pertengahan Tahun	103
4.5	Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Kalangan Pelajar Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat bagi Kumpulan PBM	104
4.6	Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Kalangan Pelajar Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat bagi Kumpulan Kawalan	106
4.7	Tahap Pemikiran Kritis Pra Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	108
4.8	Tahap Pemikiran Kritis Pasca Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	109
4.9	Tahap Penguasaan Pencapaian Pelajar dalam Kalangan Pelajar Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat bagi Kumpulan PBM	110





4.10	Tahap Pencapaian dalam Kalangan Pelajar Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat bagi Kumpulan Kawalan	111
4.11	Tahap Pencapaian Pra Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	112
4.12	Tahap Pencapaian Pasca Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	113
4.13	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene's) Pra Ujian Pemikiran Kritis	114
4.14	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene) Pra Ujian Pencapaian	115
4.15	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene's) Pasca Ujian Pemikiran Kritis	116
4.16	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene's) Pasca Ujian Pencapaian	116
4.17	Keputusan Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis bagi Ujian Pemikiran Kritis	117
4.18	Keputusan Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis bagi Ujian Pencapaian	118
4.19	Analisis Korelasi Pearson Antara Pemboleh ubah Bersandar Ujian Pemikiran Kritis (Pasca)) dengan Kovariat Ujian Pemikiran Kritis (Pra)	120
4.20	Analisis Korelasi Pearson Antara Pemboleh Ubah Bersandar Ujian Pencapaian (Pasca) dengan Kovariat Ujian Pencapaian (Pra)	121
4.21	Analisis Perbezaan Kemahiran Pemikiran Kritis Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan PBM	122
4.22	Analisis Perbezaan Kemahiran Pemikiran Kritis Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	123





4.23	Analisis Perbezaan Kemahiran Pemikiran Kritis Pra Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	124
4.24	Analisis Perbezaan Kemahiran Pemikiran Kritis Pasca Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	126
4.25	Analisis Perbezaan Pencapaian Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan PBM	128
4.26	Analisis Perbezaan Pencapaian Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan	129
4.27	Analisis Perbezaan Pencapaian Pra Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	130
4.28	Analisis Perbezaan Pencapaian Pasca Ujian Kumpulan PBM dan Kumpulan Kawalan	131
4.29	Pengujian Hipotesis	131





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1. Kerangka Konseptual Kajian, Sumber: Ubah suai daripada kajian Ruzita (2011); Siti Azian (2013)	19
2.1. Model 5-Fasa Needham Konstruktivisme. Sumber: Aizat (2016)	36
3.1. Reka Bentuk Kuasi Eksperimen Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan- Kumpulan Tidak Serupa	56
3.2. Prosedur Pengumpulan Data Kajian	85





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## SENARAI SINGKATAN

ACCA	<i>Association of Chartered Certified Accountants</i>
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
LCCI	<i>London Chambers of Commerce and Industry</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBM	Pembelajaran berasaskan masalah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

### Muka surat

A	Ujian Pemikiran Kritis <i>Watson Glaser</i>	166
B	Pra Ujian Pencapaian Prinsip Perakaunan	189
C	Pasca Ujian Pencapaian Prinsip Perakaunan	203
D	Set Rangsangan PBM Prinsip Perakaunan	214
E	Rancangan Pelajaran Harian Kumpulan PBM	247
F	Surat-surat Sokongan	280
G	Kesahan Kandungan Set Rangsangan PBM	282
H	Kesahan Ujian Pencapaian	287





## BAB 1

### PENGENALAN



Dalam mencorakkan kapasiti modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan memiliki aspek kemahiran insaniah, pendidikan memainkan peranan penting kerana modal insan itu boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya (Kiplie, 2014). Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta dan mempelopori teknologi baru, berdaya tahan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang bersifat dinamik (Abd Ghafar, 2011). Ini kerana menurut Siti Rahayah dan Nor Azaheen (2009), individu yang mempunyai tahap kemahiran pemikiran kritis yang tinggi mampu bersaing sehingga peringkat global dalam pelbagai bidang. Kenyataan ini sejajar dengan aspirasi dalam kemahiran berfikir yang digariskan dalam Pelan





Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu setiap murid perlu belajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan murid menghubungkan pelbagai disiplin ilmu. Lebih penting lagi, dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, mereka mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaakulan dan pemikiran kreatif dan inovatif. Dalam sistem pendidikan, bidang ini kurang diberi perhatian menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kreatif di luar konteks akademik (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Kemahiran pemikiran kritis merupakan kemahiran yang diperlukan dalam



kehidupan seseorang individu untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan



(Mimbs, 2005). Hal ini juga selaras dengan kenyataan oleh Donaldson (2010) dalam artikelnya berkaitan modul penilaian pemikiran kritis yang menjelaskan bahawa kemahiran pemikiran kritis sebagai salah satu kemahiran insaniah yang perlu diterapkan untuk membantu pelajar dalam penyelesaian masalah secara kritis. Menurut Paul dan Elder (2007), seseorang cenderung untuk berfikir secara kritis apabila dia mahu memastikan untuk mendapat hasil pemikiran terbaik dalam apa juar keadaan. Maka kecenderungan berfikir secara kritis perlu dilatih supaya dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Namun kemahiran pemikiran kritis perlu dilaksanakan secara berstruktur, pendedahan berterusan dan diaplikasikan oleh pelajar untuk membentuk pemikiran yang berwawasan (Hove, 2011). Menurut Karr (2009), pemikiran kritis dalam perakaunan adalah penting supaya dapat bersaing dalam pasaran ekonomi dunia masa kini. Selain itu, pemikiran kritis dikenal pasti sebagai





kemahiran generik yang diperlukan oleh majikan (Tempone et al., 2012). Oleh itu, kemahiran pemikiran kritis perlu diterapkan bermula dari peringkat sekolah supaya pelajar yang mengambil mata pelajaran Perakaunan lebih bersedia apabila meneruskan pengajian ke peringkat pra universiti dan universiti. Kaedah pengajaran yang bersesuaian perlu dipilih supaya dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis pelajar.

Namun masih wujud kaedah konvensional hanya memfokuskan kepada bahan berbentuk buku teks yang menyebabkan para guru ketandusan idea kreatif dalam pengajaran seterusnya mengakibatkan pelajar berasa bosan dengan pembelajaran yang dijalankan (Ding & Li, 2011). Kaedah konvensional merupakan pengajaran sehala manakala penglibatan pelajar semasa pembelajaran pula sangat terbatas dan pasif (Khoo, 2008). Ini kerana kebiasaannya, pelajar membuat latih tubi secara bersendirian

di dalam kelas dan sebarang kesukaran dikemukakan kepada guru sahaja tanpa penglibatan aktif pelajar (Kiplie, 2014). *The Accounting Education Change Commission (AECC)* (1990) menyatakan bahawa pelajar perlu diajar kemahiran dan strategi yang boleh membantu dalam kehidupan seharian. Maka pembelajaran aktif diperlukan supaya pelajar perakaunan dapat mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang memerlukan pencarian maklumat dari pelbagai sumber, melaksanakan pembelajaran kendiri dan menggalakkan kerja berpasukan. Kaedah pengajaran yang berkesan terhadap pemikiran kritis perlu digunakan seperti pembelajaran berasaskan masalah (PBM) (Kiplie, 2014; Alias & Sulaiman, 2011).





PBM adalah satu pendekatan berpusatkan pelajar yang merupakan pendekatan yang efektif dalam meningkatkan kualiti pembelajaran, menggalakkan penglibatan aktif, bekerjasama, maklum balas yang cepat terhadap proses pembelajaran, pemahaman yang mendalam terhadap subjek dan merujuk kesesuaian pembelajaran pelajar melalui pembelajaran kendiri (Wee, 2004). Manakala menurut Halizah (2010), pengalaman, keupayaan menyelesaikan masalah dan kemahiran dalam komunikasi merupakan teras kepada PBM. Maka PBM merupakan kaedah pedagogi yang memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam konteks situasi sebenar.

PBM adalah pembelajaran yang memberi motivasi, mencabar dan menyeronokkan yang diperoleh daripada proses untuk memahami atau menyelesaikan

masalah (Norman & Schmidt, 2000). Pedagogi PBM menekankan pembelajaran melalui konsep tindakan di mana mencipta satu peluang kepada pelajar untuk belajar mengalami proses menyelesaikan masalah (Woods, 2006). Dalam PBM, guru hanya bertindak sebagai fasilitator dan bertanggungjawab untuk memantau perkembangan pelajar dan merangsang meta-kognitif mereka (Wee, 2004). Oleh itu, PBM adalah satu strategi pembelajaran aktif yang sesuai dalam menggalakkan pelajar berusaha menyelesaikan masalah pembelajaran secara kendiri dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan pencapaian akademik.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Prinsip Perakaunan ialah salah satu daripada mata pelajaran elektif SPM yang ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan Vokasional dan Teknologi mulai tahun 1992 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Ilmu Prinsip Perakaunan merupakan ilmu lanjutan simpan kira dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah, dan asas bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang perakaunan (Arfah Hanum, 2007). Pendidikan Perakaunan di Malaysia yang diperkenalkan di peringkat sekolah menengah mementingkan proses pembelajaran yang melibatkan pemahaman rasional tentang sesuatu perkara yang dilakukan. Pelajar digalakkan berfikir secara logik dan mengamalkan budaya kerja yang positif bersifat teliti, teratur, menepati masa, mematuhi peraturan dan dapat bekerjasama serta berkomunikasi dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Kerajaan sebenarnya amat menggalakkan pelajar mengambil mata pelajaran ini kerana pentingnya aspek perakaunan dalam pembangunan ekonomi negara (Suhaida, Zaidatol Akmaliah, Noran Fauziah, Habibah & Rohani, 2006).

Menurut Jabatan Pendidikan Teknikal (2003), kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan dibentuk untuk golongan pelajar memiliki, mengurus sesebuah perniagaan, serta bekerja dalam sesuatu bidang yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan selepas tamat persekolahan. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menawarkan lebih seratus mata pelajaran kepada calon SPM setiap tahun. Tetapi, hanya dua mata pelajaran sahaja yang dikenal pasti oleh kerajaan dalam usaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa iaitu mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Prinsip Perakaunan (Lembaga Peperiksaan, 2012). Pengiktirafan





antarabangsa dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan merujuk kepada projek dua pensijilan. Satu usaha kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan dua buah badan perakaunan antarabangsa terkenal iaitu *The Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan *London Chambers of Commerce and Industry* (LCCI) bermula tahun 2007. Kesungguhan pihak KPM dalam memartabatkan mata pelajaran elektif SPM ini telah membuktikan kepentingan mata pelajaran ini kepada pembangunan negara. Ini dipersetujui oleh Suzana (2012) bahawa bidang ini tidak disisihkan oleh kerajaan.

Namun begitu berdasarkan kajian Wan Mohd Helmi (2012) menegaskan bahawa 16 223 calon yang gagal dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan SPM 2009 adalah perkara serius dan guru perlu mengenal pasti

kelemahan yang wujud dalam strategi pengajaran mereka dalam mengatasi masalah ini. Manakala pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Prinsip Perakaunan adalah kurang memuaskan iaitu Gred C+ sahaja dari tahun 2007 hingga 2011 (Aizad, 2016; Hee, 2014). Walaupun peratus kelulusan Prinsip Perakaunan menunjukkan pencapaian baik iaitu 88% namun dari segi kualiti masih di peringkat memuaskan iaitu 5.36. Ini menunjukkan bahawa julat skor yang diperoleh oleh pelajar adalah antara 60% - 64% sahaja (Keterangan GPMP adalah berdasarkan Jadual 1.1). Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian daripada aspek kuantiti telah berjaya tetapi daripada aspek kualiti masih belum tercapai. Peningkatan dari aspek kuantiti berkemungkinan

disebabkan perubahan format pentaksiran mata pelajaran Prinsip Perakaunan mulai SPM 2011 iaitu 20% untuk Kertas 3 (Kerja Kursus) (Lembaga Peperiksaan, 2011). Ini memberi peluang kepada pelajar untuk lulus jika menyiapkan kerja kursus yang diberikan.





### Jadual 1.1

#### *Nilai Gred Mata Pelajaran SPM*

Gred	Markah	NGMP	Pencapaian	Keterangan
A+	90-100	0	Cemerlang Tertinggi	Sangat Baik
A	80-89	1	Cemerlang Tinggi	
A-	75-79	2	Cemerlang	
B+	70-74	3	Kepujian Tertinggi	Baik
B	65-69	4	Kepujian Tinggi	
C+	60-64	5	Kepujian Atas	Memuaskan
C	50-59	6	Kepujian	
E	40-44	8	Lulus	Lemah
G	1-39	9	Gagal	Gagal

*Nota:* NGMP = Nilai Gred Mata Pelajaran; Sumber: Lembaga Peperiksaan (2013)

Dalam kajian ini penyelidik memilih daerah Kulai, Johor kerana kekal berada pada kedudukan terakhir dari segi perbandingan GPMP tahun 2014 (5.08) dan 2015 (4.93) (Jadual 1.2) berbanding daerah-daerah lain. Oleh itu, pencapaian skor markah yang diperoleh pelajar adalah antara 64% - 69% (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Menurut Hee (2014), kelemahan pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat SPM akan mengurangkan keyakinan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana kurikulumnya lebih





mencabar. Maka kualiti GPMP SPM perlu dipertingkatkan bagi mencapai standard kualiti pengiktirafan antarabangsa iaitu ACCA dan LCCI. Persaingan yang hebat dalam dunia globalisasi menyebabkan sistem pendidikan ditingkatkan bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan mempunyai pengetahuan yang tinggi (Jamaludin & Naswa, 2011). Keupayaan berfikir pada aras tinggi diperlukan sejajar dengan perubahan kurikulum perakaunan. Pelajar peringkat sekolah menengah bukan sahaja perlu menggunakan kemahiran aplikasi pengiraan dan perekodan, malah perlu mentafsir maklumat kewangan supaya ia boleh digunakan oleh pengguna berkepentingan (Haslina, 2011). Terdapat banyak kajian yang membuktikan terdapat hubungan yang positif di antara persekitaran pembelajaran yang mendorong pemikiran kritis dengan keupayaan pelajar perakaunan dalam pencapaian akademik (Camp & Schnader, 2010; Springer & Borthnick, 2007; Rich & Cascini, 2006; Springer, 2004). Ini jelas menunjukkan pemikiran kritis adalah aspek yang perlu dititik beratkan dalam kemajuan pendidikan perakaunan seterusnya dalam melahirkan profesi perakaunan global (Haslina, 2011).

## Jadual 1.2

*Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan SPM Mengikut Daerah di Negeri Johor*

Bil	Daerah	SPM 2014		SPM 2015		Kedudukan	
		%	GPMP	%	GPMP	2014	2015
1	Mersing	100	3.31	100	3.21	1	1
2	Batu Pahat	98.32	3.50	100	3.39	2	2
3	Johor Baru	97.04	3.81	99.95	3.70	3	3
4	Kluang	95.33	4.01	98.19	3.89	4	4

(Bersambung)



Rajah 1.2 (*Sambungan*)

Bil	Daerah	SPM 2014		SPM 2015		Kedudukan	
		%	GPMP	%	GPMP	2014	2015
5	Segamat	98.28	4.04	100	3.92	5	5
6	Pasir Gudang	96.74	4.13	99.64	4.01	6	6
7	Muar	96.52	4.35	99.42	4.22	7	7
8	Pontian	96.26	4.64	99.15	4.50	8	8
9	Kota Tinggi	94.21	4.69	97.04	4.55	9	9
10	Tangkak	96.19	4.92	99.08	4.77	10	10
11	Kulai	91.67	5.08	99.42	4.93	11	11

Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Johor (2015)

Berdasarkan artikel tulisan Karr (2009), beliau memetik pendapat pengarah

*Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*, Tony Osude bahawa

pemikiran kritis adalah keperluan yang paling asas diperlukan oleh seorang akauntan.

Contohnya, sebagai seorang juruaudit mereka tidak boleh hanya bergantung kepada maklumat tersurat tetapi menganalisis dengan mendalam bagi memastikan ianya boleh dipercayai dan benar-benar memberikan maklumat tepat. Pemikiran kritis dan analitikal adalah salah satu daripada empat elemen utama yang harus diambil perhatian dalam penambahbaikan program pendidikan perakaunan (Burnett, 2003).

Berdasarkan penulisan Silva, Santos dan Vieira (2007), laporan *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) menyatakan akauntan profesional tidak hanya memiliki pengetahuan dalam teori sahaja malah mereka perlu mengaplikasikan pengetahuannya dalam amalannya dalam situasi sebenar dengan menganalisis, menginterpretasikan, mensintesiskan, menilai dan menyampaikan maklumat.





Bagi setiap huraihan sukatan pelajaran yang diguna pakai untuk semua sekolah di bawah KPM, penekanan terhadap kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif telah dinyatakan bagi membolehkan guru sedar kepentingan kemahiran berfikir aras tinggi (terutamanya kritis dan kreatif) dan mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai (Haslina, 2011). Selain daripada menggabung jalin dan menyerap ilmu pengetahuan, aspek yang diutamakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah strategi pengajaran. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru mestilah melibatkan pelajar-pelajar sekolah secara aktif agar mereka dapat belajar secara langsung melalui pengalaman. Dengan kata lain, strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah berpusatkan pelajar. Guru harus mempelbagaikan pendekatan pengajarannya supaya pelajar turut aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Pandangan tentang keperluan untuk mempelbagaikan aktiviti pelajar adalah selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh *Accounting Education Change Commission* (AECC, 1992) yang mencadangkan pembelajaran aktif adalah lebih berkesan dari kaedah pasif yang masih mendominasi pengajaran dan pembelajaran perakaunan sehingga hari ini. Sistem pendidikan yang menekankan kepada pencapaian akademik secara tidak langsung menyebabkan guru memilih strategi pengajaran berpusatkan guru atau kuliah dalam menyampaikan kandungan pelajaran dan meliputi sukatan pelajaran untuk memenuhi keperluan peperiksaan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah lama digunakan di dalam Pendidikan Perakaunan sehingga ke hari ini adalah terdiri daripada pengajaran secara kuliah, latih tubi dan demonstrasi penyelesaian masalah (Rohaila, 2006; Suhaida, 2002).





Oleh itu, strategi pembelajaran berdasarkan masalah dapat mengatasi masalah pembelajaran yang terlalu berpusatkan guru. Ini kerana tujuan PBM adalah untuk membantu (a) pelajar berfikir secara kritis, menganalisis dan menyelesaikan masalah sebenar yang kompleks; (b) mencari, menilai dan menggunakan sumber pembelajaran yang sesuai; bekerjasama dalam kumpulan; (d) menunjukkan kemahiran komunikasi yang berkesan; dan (e) menggunakan pengetahuan dan kemahiran intelektual untuk pembelajaran berterusan (Duch, Groh & Allen, 2001).

Walau bagaimanapun, masalah dalam PBM ialah untuk menyediakan bahan penulisan masalah yang baik. Hanya penulisan masalah yang baik dapat meningkatkan penglibatan motivasi dan mencabar pemikiran pelajar (Hansen, 2006). Menurut Duch et al. (2001) terdapat lima kriteria masalah PBM yang baik iaitu a)

melibatkan minat dan motivasi pelajar untuk menyiasat konsep yang dipelajari dengan lebih mendalam; b) memerlukan murid untuk membuat keputusan atau pertimbangan berdasarkan fakta, informasi, logik atau rasional; c) kerjasama daripada semua ahli pasukan perlu supaya hasil efektif; d) masalah yang dibincangkan perlu mempunyai satu atau lebih kriteria bagi membantu pelajar membuat perbincangan seperti soalan terbuka, dikaitkan dengan pembelajaran lepas, dan menghubungkan isu yang sesuai untuk mengembangkan idea dan e) soalan yang dibina mencabar pelajar untuk menjana pemikiran aras tinggi seperti analisis, sintesis dan penilaian. Oleh itu, strategi pembelajaran perlu dirancang dengan teliti supaya ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.





Selain itu, situasi di sekolah menengah Malaysia seperti pelajar datang ke kelas tanpa persediaan dan kurang perbincangan di dalam kelas juga menyebabkan ramai pelajar kurang mengaplikasikan kemahiran menyelesaikan masalah dalam tugas, sebaliknya mereka lebih gemar menunggu jawapan daripada guru sahaja (Khoo, 2008). Keadaan ini menyebabkan pelajar sering menghadapi kesukaran dari segi pembinaan kemahiran penyelesaian masalah. Menurut Wee (2004), di dalam proses menyelesaikan masalah pelajar perlu bekerjasama di dalam kumpulan kecil dan saling bertukar-tukar pengetahuan dan saling membantu antara satu sama lain. Oleh itu, proses pembelajaran berpusatkan pelajar akan berlaku dan guru berperanan sebagai pembimbing iaitu fasilitator sahaja.



### 1.3.1 Masalah dalam Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis jarang diterokai oleh pelajar kerana mereka tidak mempunyai kemahiran ini (Khoo, 2008). Komponen kemahiran seperti berkomunikasi dengan baik, kemahiran pemikiran analitikal, pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kerja kumpulan tidak dikembangkan (Milner & Hill, 2008). Menurut Francisco dan Kelly (2002), penekanan kemahiran ini perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan kerjaya perakaunan. Sistem yang berorientasikan peperiksaan dan buku teks selalu diperdebatkan kerana ianya bukanlah instrumen yang mencukupi untuk menghasilkan seorang akauntan yang terbaik pada masa hadapan (Che Ku Hisam, 2014). Kaedah pengajaran seperti kuliah dan kaedah mengingat pula menyebabkan kebanyakan





universiti gagal menyediakan para graduan yang berkualiti kerana kaedah ini tidak efektif bagi peningkatan kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis (Bellon, 2000).

Menurut Hsu, Yen dan Lai (2013), pelajar sering menghafal pengetahuan perakaunan yang diberikan oleh guru, fokus utama adalah ‘bagaimana’ berbanding ‘kenapa’ yang menyebabkan kekurangan untuk analisis, membuat andaian, komunikasi dan menyelesaikan masalah. Selaras dengan hasrat PPPM 2013-2025 terdapat rombakan peperiksaan dan pentaksiran di peringkat kebangsaan iaitu peratusan soalan berbentuk pemikiran aras tinggi akan ditambah sehingga 50% bagi soalan mata pelajaran elektif SPM. Guru tidak boleh meramal bentuk soalan dan topik yang akan diuji, sebaliknya murid perlu dilatih untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam pelbagai konteks keperluan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Keadaan ini memberi cabaran kepada guru untuk melatih pemikiran kritis pelajar menggunakan strategi pengajaran yang berkesan. Maka kajian ini perlu untuk mengetahui tahap pemikiran kritis pelajar perakaunan.

### 1.3.2 Masalah dalam Pencapaian

Kajian ke atas pencapaian Prinsip Perakaunan adalah penting untuk menyediakan pelajar ke dunia perniagaan mahupun melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (Hee, 2014). Kajian Hee (2014) dan Aizat (2016) menunjukkan GPMP pencapaian Prinsip Perakaunan SPM 2007-2011 kurang memuaskan iaitu C+. Malah kebanyakan pelajar matrikulasi tidak mendapat prestasi perakaunan yang baik iaitu dalam lingkungan gred C sahaja walaupun mereka merupakan kumpulan terpilih





dalam mengikuti program matrikulasi (Zuaini, Nor Aziah & Rosliza, 2008). Menurut Richter (2006) prestasi terdahulu pelajar semasa peringkat sekolah menengah merupakan antara penentu kejayaan utama bagi prestasi mereka apabila mengikuti program di peringkat ijazah. Oleh itu, pencapaian Prinsip Perakaunan di peringkat sekolah menengah perlu diberi penekanan kerana memberi kesan penentuan kejayaan dan kualiti graduan pada peringkat pengajian tinggi.

Berdasarkan analisis item Prinsip Perakaunan SPM, didapati soalan Penyata Kewangan dengan pelarasan merupakan satu item yang kerap keluar dan menyumbang antara 12 hingga 20 markah. Namun, berdasarkan kupasan mutu jawapan Prinsip Perakaunan SPM 2014, terdapat calon yang hanya mempamerkan penguasaan terhadap format jawapan yang asas, keupayaan terhad dalam

menyelesaikan masalah berkaitan pelarasan dan tidak sertakan jalan kerja sepatutnya

disebabkan penguasaan pelarasan yang sangat minimum (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Situasi ini memberi cabaran besar kepada guru untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Berdasarkan kajian Moriza, Wan Mustaffa dan Ahmad Zia (2017), tajuk Penyata Kewangan dengan pelarasan agak mencabar minda pelajar dan menyebabkan pencapaian pelajar merosot kerana tidak menguasai topik ini sehingga pelajar hilang minat terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Sebilangan pelajar perakaunan menghadapi masalah menyediakan maklumat khususnya Penyata Kewangan dengan betul disebabkan kegagalan pelajar mengetahui cara merekod jenis pelarasan selaras dengan konsep pemadanan dalam perakaunan (Mohd Kamal, 2005). Ketelitian semasa menjawab soalan dan wujudnya soalan-soalan sukar menjadi faktor penyumbang dalam mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar (Muhamad Azmi, Nik Zam & Syed





Iskandar Zulkarnain, 2010). Oleh itu, guru perlu bijak mengenal pasti kaedah pengajaran yang berkesan bagi mengatasi masalah tidak menguasai tajuk Penyata Kewangan dengan pelarasian kerana memberi kesan kepada pencapaian pelajar.

### 1.3.3 Masalah dalam Pengaplikasian PBM

Sistem pendidikan di Malaysia yang menekankan kepada pencapaian akademik telah secara tidak langsung menyebabkan pendidik memilih kaedah pengajaran berpusatkan guru atau kuliah dalam menyampaikan kandungan pelajaran dan meliputi sukan pelajaran untuk memenuhi keperluan peperiksaan (Kiplie, 2014). Ini selari dengan pendapat Gabbin (2002) yang menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang terlalu berpusatkan guru gagal dalam melatih pelajar kemahiran utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pandangan Hansen (2006), PBM perlu digunakan dalam kursus perakaunan kerana pelajar akan didedahkan dengan masalah sebenar dalam perakaunan seterusnya dapat membantu pelajar berfikir secara kritis, membina kemahiran mencari sumber maklumat, kerja berkumpulan dan komunikasi yang berkesan.

Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan yang timbul apabila menjalankan kaedah PBM. Berdasarkan laporan Nor Haslina, Aeslina, Azra Munirah, Raden Maya Saphira dan Mohd Baharudin (2007) menyatakan bahawa pelajar mempunyai masalah untuk mengutarakan pendapat, berfikir secara kritikal, berinteraksi sesama mereka dan tidak dapat mengenal pasti apa yang perlu mereka bincangkan, analisis dan kaji serta bagaimana untuk menghubungkaitkan maklumat tersebut dengan maklumat yang lain. Ini kerana pelajar tidak biasa dengan proses untuk melaksanakan kaedah PBM.





Namun begitu, masalah tersebut berkurangan apabila kaedah tersebut diguna pakai kali kedua. Selain itu, kajian Nor Ratna (2007) mendapati sekiranya pelajar tidak memahami proses dalam pelaksanaan kaedah PBM, maka pelajar tersebut tidak mampu untuk menyelesaikan masalah dan menguasai isi pelajaran bagi mata pelajaran tersebut. Ini memberi kesan yang negatif kepada pencapaian akademik pelajar tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai masalah untuk mengenal pasti masalah, membuat keputusan dan kesimpulan dalam melaksanakan kaedah PBM. Beliau menyatakan bahawa tanpa pengetahuan dan kemahiran penyelesaian masalah, pelajar tidak mampu untuk melaksanakan dan mengaplikasikan kaedah PBM dengan sempurna dan cekap. Oleh itu, ini merupakan satu cabaran kepada guru untuk menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai dan mengaplikasikan PBM dalam proses pembelajaran di sekolah.



## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran pemikiran kritis pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan PBM dan kumpulan kawalan.
2. Mengenal pasti tahap pencapaian Prinsip Perakaunan pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan PBM dan kumpulan kawalan.
3. Menentukan sama ada terdapat perbezaan kemahiran pemikiran kritis bagi pelajar kumpulan PBM dan kumpulan kawalan.
4. Menentukan sama ada terdapat perbezaan pencapaian Prinsip Perakaunan bagi pelajar kumpulan PBM dan pelajar kumpulan kawalan.





## 1.5 Soalan dan Hipotesis Kajian

Persoalan dan hipotesis yang akan dijawab melalui kajian ini adalah:

1. Apakah tahap kemahiran pemikiran kritis pra ujian dan pasca ujian pelajar kumpulan PBM dan kumpulan kawalan?
2. Apakah tahap pencapaian Prinsip Perakaunan pra ujian dan pasca ujian pelajar kumpulan PBM dan kawalan?
3. Adakah terdapat perbezaan kemahiran pemikiran kritis bagi kumpulan PBM dan kumpulan kawalan?
  - a)  $H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pemikiran kritis pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan PBM
  - b)  $H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pemikiran kritis pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan kawalan
  - c)  $H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pemikiran kritis pra ujian antara pelajar kumpulan PBM dengan kumpulan kawalan
  - d)  $H_{04}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pemikiran kritis pasca ujian antara pelajar kumpulan PBM dengan kumpulan kawalan
4. Adakah terdapat perbezaan pencapaian Prinsip Perakaunan bagi kumpulan PBM dan kumpulan kawalan?
  - a)  $H_{05}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian Prinsip Perakaunan pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan PBM





- b)  $H_{06}$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian Prinsip Perakaunan pra ujian dan pasca ujian bagi pelajar kumpulan kawalan
- c)  $H_{07}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian Prinsip Perakaunan pra ujian antara pelajar kumpulan PBM dengan kumpulan kawalan
- d)  $H_{08}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pencapaian Prinsip Perakaunan pasca ujian antara pelajar kumpulan PBM dengan kumpulan kawalan


## 1.6 Kerangka Konseptual



Kerangka konseptual dibina adalah untuk meramal dan menerangkan sesuatu fenomena secara sistematik (Wiersma, 2000). Selain itu, kerangka konsep juga dapat menunjukkan arah tuju dan panduan kepada penyelidik semasa menjalankan kajian (Hatta, 2001). Secara umumnya, kerangka konsep ini berdasarkan beberapa hasil kajian para pengkaji sebelum ini dijadikan panduan dan pedoman. Kerangka kajian menunjukkan perkaitan antara strategi pembelajaran iaitu kaedah PBM sebagai boleh ubah bebas. Manakala kemahiran pemikiran kritis dan pencapaian sebagai boleh ubah bersandar. Strategi pembelajaran yang dibandingkan adalah pembelajaran berasaskan masalah bagi kumpulan eksperimen dan pembelajaran tradisional bagi kumpulan kawalan. Perbandingan antara kedua-dua strategi pembelajaran dilihat dari segi kesan terhadap pemikiran kritis dan pencapaian. Kerangka konsep kajian seperti Rajah 1.1, dibahagikan kepada dua peringkat iaitu



semasa pembelajaran berlaku (kaedah yang digunakan) dan hasil pembelajaran (kesan kepada pemikiran kritis dan pencapaian).



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian, Sumber: Ubah suai daripada kajian Ruzita (2011); Siti Azian (2013)

Dalam proses strategi PBM, masalah merupakan titik permulaan pembelajaran di mana pelajar akan diberi masalah sebenar sebagai panduan kepada perjalanan proses PBM. Proses PBM bermula dengan masalah sehingga penyelesaian terhadap masalah (Hisyamudin & Rahifa, 2007). Menurut Wee (2004), kaedah PBM dapat menggalakkan penglibatan aktif pelajar. Ia boleh mewujudkan hubungan dua hala antara pelajar dengan pensyarah. Melalui kaedah ini, pensyarah merupakan pembimbing kerana kaedah PBM merupakan satu pendekatan berpusatkan pelajar (Hussain, Abdullah & Berhanudin, 2007; Savin-Baden & Major, 2004; Barrows, 1996). Aktiviti melalui pembelajaran berdasarkan masalah dapat meningkatkan minat serta motivasi untuk terus belajar, menganalisis, menyelesaikan masalah dan



meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif (Siti Azian, 2013). Oleh hal yang demikian, pelajar dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan isi kandungan bagi sesuatu mata pelajaran dengan mudah dan mendalam (Dalsgaard & Godsk, 2007).

Ujian Kemahiran Pemikiran Kritis *Watson-Glaser* (1980) digunakan untuk menilai tahap kemahiran pemikiran kritis pelajar semasa melaksanakan pra ujian dan pasca ujian selepas mengikuti strategi PBM dan tradisional. Kemahiran Pemikiran Kritis ialah kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu idea, meneliti kebenaran, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah yang melibatkan aktiviti mental seperti analisis, sintesis dan penilaian berdasarkan *Watson-Glaser* (1980). Set soalan ujian pemikiran kritis ini mempunyai lima domain iaitu membuat inferens, mengusul periksa andaian, membuat deduksi, membuat interpretasi dan penilaian hujah.

Pencapaian prestasi pelajar diuji menggunakan Ujian Pencapaian Prinsip Perakaunan berdasarkan tajuk Penyata Kewangan – Milikan Tunggal. Pelajar diberikan soalan ujian pencapaian iaitu pra ujian dan pasca ujian. Pencapaian pelajar dinilai berdasarkan gred markah yang diperoleh.





## 1.7 Kepentingan Kajian

Walaupun banyak kajian mengenai keberkesanan PBM di luar negara dan di Malaysia sendiri (Kiplie, 2014; Siti Azian, 2013; Mohd Nazir, 2013; Alias, 2012 dan Halizah, 2010) namun penggunaannya di dalam bidang perakaunan kurang meluas terutama pada peringkat sekolah menengah. Diharap hasil kajian ini boleh dijadikan garis panduan oleh guru Prinsip Perakaunan dalam mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan prestasi pelajar di samping pemikiran kritis.

Dapatkan kajian ini juga diharap dapat membantu pelajar-pelajar agar mengaplikasikan strategi pembelajaran berasaskan masalah apabila meneruskan pengajian di peringkat prauniversiti dan universiti. Pendekatan PBM akan memberikan peluang kepada pelajar untuk mencari dan membina sendiri pengetahuan bersama-sama dengan rakan sebaya (Ferreira & Trudel, 2012). Di samping itu, PBM juga boleh dijadikan salah satu bahan pengujian berdasarkan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu Komponen Pentaksiran Psikometrik (Lembaga Peperiksaan, 2012) yang boleh mengukur kebolehan semula jadi, kemahiran pemikiran, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan sikap dan personaliti murid. Diharap strategi PBM dapat membantu murid mencari sumber maklumat dan menyiapkan kertas projek yang wajib dilaksanakan dalam Kertas 3 secara kendiri tanpa terlalu berharap jawapan daripada guru. Menurut tinjauan oleh Peterman (2012), pelajar sekolah menengah sekarang berdepan dengan perubahan maklumat yang banyak dan memerlukan mereka berfikir melalui situasi yang kompleks serta membolehkan mereka berfikir bagi mempertahan keputusan yang dibuat. Oleh itu, pelajar perlu





diberi pendedahan untuk menjana idea dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan dengan memberikan lebih bukti saintifik tentang kesan PBM terhadap kemahiran pemikiran kritis dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan peringkat sekolah menengah. Hasil kajian ini diharap boleh dijadikan pilihan kepada guru-guru untuk beralih kepada kaedah yang berpusatkan pelajar secara lebih berstruktur dalam pengajaran Prinsip Perakaunan. Setelah mengenal pasti kemahiran pemikiran kritis pelajar, pendidik boleh menggunakan dapatan ini sebagai asas untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar, antaranya menggunakan strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah. Menurut Kiplie (2014), PBM boleh digunakan sebagai salah satu strategi pengajaran atau mengekalkan amalan lama seperti *direct-instruction*, *chalk and talk*, dan sistem hafalan sebagai pendekatan pengajaran. Manakala Peterman (2012), menegaskan pedagogi konvensional yang lebih memfokuskan kepada pembelajaran secara hafalan untuk mencapai keputusan yang positif dalam peperiksaan tidak memperkembangkan pemikiran kritikal pelajar berbanding PBM.

Justeru itu, dengan adanya kajian ini diharap akan membantu pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah, pihak sekolah dan guru-guru mengambil kira PBM sebagai alternatif kepada pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada. Secara keseluruhannya, pembelajaran tradisional perlu melalui proses perubahan dalam meniti arus perdana pendidikan. Kajian ini mempunyai kepentingan





tersendiri dalam mengubah pedagogi pengajaran dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berbentuk eksperimen maka sampel terhad kepada kumpulan yang terpilih. Selain itu lokasi kajian ini terhad hanya melibatkan pelajar tingkatan empat yang mengambil subjek Prinsip Perakaunan dari dua buah sekolah di Daerah Kulai, Johor. Oleh yang demikian, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan pelajar tingkatan empat di daerah-daerah lain.

Kajian yang dijalankan ini terbatas kepada penggunaan instrumen ujian pemikiran kerana mengukur secara umum tahap pemikiran kritis berdasarkan instrumen yang digunakan iaitu *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal* (WGCTA). Oleh itu, tumpuan dalam kajian ini adalah kemahiran membuat inferens, mengusul periksa andaian, membuat deduksi, membuat interpretasi dan menilai hujah.

Kajian ini dihadkan kepada pembelajaran Prinsip Perakaunan yang melibatkan topik Penyata Kewangan – Milikan Tunggal. Hal ini menyebabkan kaedah PBM hanya fokus mengenai penyediaan penyata kewangan selepas pelarasan menggunakan Carta FILA.





## 1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini definisi operasional berfungsi memberi penjelasan terhadap perkataan yang sering digunakan dalam kajian ini. Definisi ini bertujuan agar pegangan istilah tidak terkeluar dari landasan kajian.

### 1.9.1 Strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah

Kaedah PBM diperkenalkan untuk membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 Prinsip Perakaunan yang merupakan proses pendedahan pelajar kepada masalah sebenar yang dapat memberikan pelajar kemahiran dalam mengusai kemahiran berfikir kritis. Proses PBM yang digunakan di dalam kajian ini diadaptasi daripada Politeknik Temasik yang melibatkan tujuh peringkat iaitu (i) pembentukan kumpulan; (ii) pengenalpastian masalah; (iii) penjanaan idea; (iv) isu-isu pembelajaran; (v) pembelajaran terarah kendiri; (vi) sintesis dan aplikasi dan (vii) refleksi dan maklum balas.

Kaedah PBM merujuk kepada pembelajaran berasaskan masalah yang diaplikasikan kepada kumpulan eksperimen. Berdasarkan set rangsangan PBM, pelajar mentafsir senario dan memo yang diberi, kemudiannya menaakul sebelum membuat sebarang keputusan dan penilaian secara perbincangan kumpulan. Kes yang dibentangkan adalah berkaitan dengan teori atau konsep yang akan diajar dan dalam bentuk cerita yang mempunyai elemen *real life situations / problems*.





### 1.9.2 Pengajaran Tradisional

Pengajaran tradisional merujuk kepada kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Dalam kaedah ini, biasanya pelajar akan mendengar segala penerangan dan membuat catatan segala maklumat yang diberikan. Pelajar menjalankan aktiviti secara individu di tempat duduk masing-masing (Ruzita, 2011).

Pengajaran tradisional yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kumpulan kawalan. Strategi pengajaran yang secara lazimnya dilaksanakan di dalam kelas Prinsip Perakaunan iaitu lebih berpusatkan guru manakala pelajar bersifat pasif. Kaedah latih tubi merupakan aktiviti pelajar yang dipentingkan semasa pengajaran Prinsip Perakaunan dilaksanakan. Buku teks merupakan bahan pengajaran utama dalam pembelajaran kaedah ini. Perbincangan secara kumpulan juga dijalankan mengikut kesesuaian.

### 1.9.3 Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis adalah kemampuan untuk menjelaskan dan bertindak balas terhadap kepercayaan individu dalam membuat keputusan. Dalam tahun 1980-an, Glaser mencadangkan bahawa kebolehan berfikir secara kritis merangkumi perkara berikut; 1) tabiat untuk mempertimbangkan dengan teliti, masalah dan perkara yang datang bersama pengalaman seseorang 2) pengetahuan tentang kaedah logik inkuiiri dan penaakulan dan 3) sedikit kemahiran untuk mengaplikasikan kaedah-kaedah tersebut. Ini disokong Beyer (2001) mendefinisikan sebagai kesanggupan (kecenderungan) dan kemampuan untuk meneliti dan menilai pemikiran bagi menentukan kebenaran,





ketepatan, atau nilainya dan untuk membina hujah-hujah logik bagi menjustifikasikan tuntutan atau dakwaan. Menurut Ainon dan Abdullah (2005), berpendapat bahawa menggunakan cara berfikir kritis adalah kaedah berfikir yang digunakan untuk membuang kesilapan, kekeliruan dan andaian-andaian yang salah.

Kemahiran Pemikiran Kritis yang akan diberikan tumpuan dalam kajian ini adalah kemahiran membuat inferens, mengusul periksa andaian, membuat deduksi, membuat interpretasi dan menilai hujah yang perlu dianalisis menggunakan ujian pemikiran kritis berdasarkan kepada penyelidikan oleh *Watson-Glaser*, 1980.

Dalam kajian ini inferens ialah kesimpulan yang boleh dirumuskan berdasarkan fakta-fakta yang telah diperhatikan atau dijangkakan. Andaian ialah sesuatu yang dijangkakan atau dianggapkan benar. Secara umum deduksi ialah membuat kesimpulan khusus yang berdasarkan pemerhatian umum atau kesimpulan yang dibuat terhadap penemuan berdasarkan teori. Manakala deduksi ialah kesimpulan yang dicapai secara taakulan. Interpretasi ialah mentafsir maklumat yang diperoleh secara logik tanpa sebarang keraguan. Penilaian hujah kuat ialah hujah yang penting dan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan terlebih dahulu. Hujah lemah ialah hujah yang tidak berkaitan walaupun hujah itu merupakan suatu perkara yang penting; atau merupakan perkara yang tidak penting; atau hujah itu merupakan perkara yang remeh sahaja (Sabariah, 2003).





#### 1.9.4 Pencapaian

Pencapaian prestasi dalam kajian ini adalah berdasarkan perbezaan pra ujian pencapaian prestasi dan pasca ujian yang telah diuji kepada pelajar. Pencapaian prestasi pelajar diukur menggunakan set soalan ujian Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat. Ujian ini mengukur sejauh mana seseorang itu lebih baik dari individu yang lain dalam perkara yang telah dipelajari bersama. Pencapaian pelajar melibatkan pengukuran penguasaan tajuk Penyata Kewangan – Milikan Tunggal. Ujian pencapaian digubal berdasarkan jadual penentu ujian (JPU) yang mengandungi 20 soalan objektif dan 1 soalan subjektif yang melibatkan aras kognitif seperti pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.



Kajian berbentuk eksperimen kuasi ini tertumpu kepada kesan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah terhadap pemikiran kritikal dan pencapaian pelajar dalam subjek mata pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat. Kerangka konseptual kajian dan tujuan kajian adalah sebagai landasan dan panduan agar kajian yang dijalankan nanti mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Batasan kajian yang ditetapkan membolehkan pengkaji membuat fokus kepada dimensi-dimensi yang telah ditetapkan.

